



Ruj. Tuan:

Ruj. Kami: (6) Adlm.JK(02)171

Tarikh:

25 Ogos 2000



Semua Ketua-Ketua Unit  
Mahkamah Persekutuan/Rayuan/Tinggi  
Kuala Lumpur.

Tuan/Puan,

### CUTI GANTIAN KERANA BERTUGAS LEBIH MASA

Adalah saya menarik perhatian tuan/puan kepada perkara di atas dan memaklumkan, Perintah Am 40 Bab C telah memperuntukkan bahawa "seseorang pegawai yang tidak berkelayakan mendapat bayaran lebih masa atau sebarang bayaran khas lain boleh diberi cuti gantian oleh Ketua Jabatan kerana dipanggil bertugas lebih masa pada hari bekerja biasa, hari cuti am atau hari kelepasan mingguan. Cuti gantian hendaklah sama banyak dengan masa yang dipanggil bertugas lebih masa itu".

2. Pekeliling Perkhidmatan Bil 9 Tahun 1991 pula telah menetapkan corak kerja lebih masa adalah meliputi semua jenis tugas dengan tertakluk kepada syarat-syarat seperti berikut:-

- i) Kerja-kerja kecemasan;
- ii) Kerja mustahak dan tidak boleh ditangguhkan kepada hari berikutnya oleh sebab penangguhan itu boleh memudaratkan perkhidmatan;
- iii) Kerja-kerja yang dikehendaki dibuat oleh anggota melebihi daripada bidang tugas biasanya; dan
- iv) Kerja-kerja yang perlu diuruskan dalam jangkamasa yang terhad.

3. Oleh yang demikian, semua Ketua Unit dikehendaki mematuhi peraturan di para 1 dan 2 di atas dalam memberi kelulusan untuk bekerja lebih masa kepada kakitangan di bawah pengawasan tuan/puan. Ini bermakna semua kakitangan yang hendak bekerja lebih masa hendaklah mendapat arahan terlebih dahulu daripada Ketua Unitnya

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah.



( DATO' ABDUL WAHAB BIN SAID AHMAD )  
Ketua Pendaftar  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Kuala Lumpur.